

# **DANA BESTARI**

4  
3  
1

**LAPORAN SETENGAH  
TAHUN BERAKHIR  
15 FEBRUARI 2009**

**ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD  
(256439-D)**

Tingkat Bawah, Wisma ASMB  
No. 1A, Jalan Lumut  
Peti Surat 10701  
50722 Kuala Lumpur

## MAKLUMAT KORPORAT

### PENGURUS

**ASM Investment Services Berhad (256439-D)**  
(Subsidiari milik penuh Amanah Saham Mara Berhad)

### IBU PEJABAT

Tingkat Bawah, Wisma ASMB  
No. 1A, Jalan Lumut  
Peti Surat 10701  
50722 Kuala Lumpur  
Tel: (03) 4145 3800 Faks: (03) 4145 3901  
E-mel: [asmis@asmb.com.my](mailto:asmis@asmb.com.my)  
Laman Web: [www.asmb.com.my/uniTrust/corp\\_profile.htm](http://www.asmb.com.my/uniTrust/corp_profile.htm)

### LEMBAGA PENGARAH

YBhg. Datuk (Dr.) Zamani bin Md. Noor - Pengerusi  
YBhg. Dato' Kamaruddin bin Mohammed  
YBhg. Dato' Sri Hj Abd Rahim bin Hj Abdul  
YBhg. Prof. Dr. Faridah bt Hj Hassan  
Encik Mansoor bin Ahmad  
Encik Nik Mohamed Zaki bin Nik Yusoff

### KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Encik Nik Mohamed Zaki bin Nik Yusoff

### SETIAUSAHA SYARIKAT

Puan Shahrizat bt Othman (MAICSA NO.0764744)  
Puan Zaharah bt Ibrahim (MAICSA NO. 7012004)

### JAWATANKUASA PELABURAN

YBhg. Dato' Kamaruddin bin Mohammed  
Encik Hassan bin Jaafar  
Encik Wan Abdul Rahman bin Wan Abu Samah  
Encik Mansoor bin Ahmad

### PENASIHAT SYARIAH

BIMB Securities Sdn. Bhd. (290163-X)

### PEMEGANG AMANAH

Amanah Raya Berhad (344986-V)

### JURUAUDIT

Tetuan Ahmad Abdullah & Goh (AF-0381)

<b>NO.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>1.</b>	<b>MAKLUMAT TABUNG</b>	<b>4</b>
1.1	Profil Tabung	4
1.2	Kategori/Jenis Tabung	4
1.3	Saiz Tabung	4
1.4	Objektif Tabung	4
1.5	Tanda Aras Tabung	4
1.6	Dasar Pengagihan Tabung	4
1.7	Kedudukan Pegangan Unit	4
<b>2.</b>	<b>PENCAPAIAN DANA</b>	<b>5 - 6</b>
2.1	Komposisi Tabung	5
2.2	Prestasi FBMEmas	6
2.3	Pengagihan Pendapatan/Terbitan Unit Pecahan	6
<b>3.</b>	<b>LAPORAN PENGURUS</b>	<b>7 - 13</b>
3.1	Bandingan Prestasi Tabung Dengan Tanda Aras	7
3.2	Prestasi Kewangan Tabung	8
3.3	Unit Dalam Edaran/Nilai Aset Bersih/FBMEmas	8
3.4	Jumlah Pulangan Tabung	9
3.5	Polisi dan Strategi Pelaburan	9
3.6	Pengagihan Aset-Aset Tabung	9
3.7	Prestasi Instrumen Pelaburan	10
3.8	Suasana Bursa Saham Tempatan	11
3.9	Suasana Pasaran Wang	12
3.10	Pengagihan Pendapatan/Terbitan Unit Pecahan	13
3.11	Keperluan Pemegang-Pemegang Unit	13
3.12	Rebet dan Komisen Tidak Langsung	13

<b>NO.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
4.	PERNYATAAN PENGURUS	14
5.	PERNYATAAN PEMEGANG AMANAH	15
6.	PERNYATAAN PENASIHAT SYARIAH	16
7.	PENYATA KEWANGAN	17 – 30
8.	ASAS PENGIRAAN MAKLUMAT PRESTASI DAN PENCAPAIAN DANA	31 – 32
9.	MAKLUMAT TAMBAHAN	33 – 34
10.	PERLINDUNGAN TAKAFUL	35
11.	MAKLUMAT JARINGAN PERNIAGAAN	36 – 37
12.	MAKLUMAT PERHUBUNGAN PELABUR	38
13.	BORANG PERTUKARAN ALAMAT	39

## 1. MAKLUMAT TABUNG

### 1.1 Profil Tabung

Tabung ini telah dilancarkan pada 17 Julai 1975 sebagai Kumpulan Modal Bumiputra Yang Kelapan, khas untuk Bumiputera dan dilancarkan semula sebagai Dana Bestari pada 3 Oktober 2002 yang berlandaskan Prinsip Syariah, dengan strategi pemasarannya "Pelaburan Untuk Pendidikan Di Masa Hadapan" dan dibuka penyertaannya kepada orang ramai dari semua kaum dan akan terus beroperasi sehingga ia diberhentikan atau dibubarkan mengikut Suratikatan Amanah dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

### 1.2 Kategori/Jenis Tabung

Dana Ekuiti (Islam) / Pertumbuhan dan Pendapatan.

### 1.3 Saiz Tabung

250.0 juta unit.

### 1.4 Objektif Tabung

Memberi peluang kepada pelabur-pelabur menikmati pulangan yang berpatutan secara berterusan dan mencapai pertumbuhan modal dalam tempoh sederhana hingga panjang dengan melabur di dalam ekuiti dan sekuriti berpendapatan tetap yang memenuhi Prinsip-Prinsip Syariah.

### 1.5 Tanda Aras Tabung

FTSE Bursa Malaysia Emas Syariah Index (FBMEmas).

### 1.6 Dasar Pengagihan Tabung

Pengagihan pendapatan (jika ada) akan diisytiharkan pada akhir setiap tahun kewangan bergantung kepada lebihan pendapatan sepanjang tempoh kewangan.

### 1.7 Kedudukan Pegangan Unit Oleh Pemegang-Pemegang Unit Pada 15 Februari 2009

Saiz Pegangan Unit	Jumlah Pemegang Unit	%	Jumlah Unit Dipegang *	%
5,000 dan ke bawah	2,052	81.69	2,443,337.00	5.64
5,001 - 10,000	240	9.55	1,627,296.90	3.76
10,001 - 50,000	156	6.21	3,166,616.16	7.31
50,001 - 500,000	59	2.35	7,169,404.13	16.54
500,001 dan ke atas	5	0.20	28,928,278.91	66.75
<b>Jumlah</b>	<b>2,512</b>	<b>100.00</b>	<b>43,334,933.10</b>	<b>100.00</b>

\* Nota: Tidak termasuk unit Pengurus

## 2. PENCAPAIAN DANA

### 2.1 Komposisi Tabung

Komposisi dan prestasi Tabung bagi tempoh setengah tahun berakhir 15 Februari 2009 dan 3 tahun kewangan berakhir 15 Ogos.

Sektor (%)	15 Feb 2009	15 Ogos 2008	15 Ogos 2007	15 Ogos 2006
Barangan Pengguna	4.0	3.5	3.7	1.5
Barangan Industri	1.8	2.2	4.1	15.6
Pembinaan	10.5	10.1	15.9	4.6
Dagangan & Perkhidmatan	25.8	34.7	32.4	24.9
Hartanah	4.5	3.9	15.2	1.0
Perladangan	6.1	15.3	-	17.6
Sekuriti Pendapatan Tetap Tak Tersiarharga	-	-	-	2.8
Nota Perdagangan	-	-	-	2.8
Simpanan AI-Mudharabah/dll	47.3	30.3	28.7	29.2
<b>Jumlah</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>Maklumat Prestasi</b>				
Nilai Aset Bersih (NAB) - xD (RM'000)	15,066	16,910	21,709	35,505
Unit Dalam Edaran ('000)	43,397	42,395	48,845	86,760
Nilai Aset Bersih Seunit - xD (RM)	0.3472	0.3989	0.4444	0.4092
Nilai Aset Bersih seunit - xD:				
- <i>Tertinggi</i> (RM)	0.3989	0.5331	0.5177	0.4252
- <i>Terendah</i> (RM)	0.3268	0.3989	0.4052	0.3895
<i>Jumlah Pulangan</i> * (%)	(12.7)	(2.0)	19.8	(3.5)
- Pertumbuhan Modal * (%)	(12.7)	(7.8)	9.1	(3.5)
- Pengagihan Pendapatan * (%)	-	5.8	10.7	-
Saiz Purata Tabung (RM'000)	15,227	20,418	31,411	34,341
Jumlah Perbelanjaan (RM'000)	136	351	527	573
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) (%)	** 0.89	1.72	1.68	1.67
Kos Purata Jualan & Belian (RM'000)	2,170	11,089	16,730	20,452
Pusing Ganti Portfolio (PGP) (kali)	** 0.14	0.54	0.53	0.60

\* **Sumber: Lipper**

\*\* NPP meningkat sedikit sebanyak 3.5% dalam tempoh setengah tahun kewangan 2009 berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya (15/02/2008: 0.86%) kerana walaupun saiz purata Tabung menyusut disebabkan oleh pasaran saham yang merudum, namun jumlah perbelanjaan pengurusan hanya berkurangan sedikit berbanding dari tempoh enam bulan pertama tahun 2008.

*Pencapaian Tabung pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaian masa hadapan. Harga unit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah-ubah mengikut pasaran.*

\*\* Peratusan PGP merosot sebanyak 60.0% bagi tempoh setengah tahun kewangan 2009 berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya (15/02/2008: 0.35x) disebabkan oleh pegangan yang berterusan dalam beberapa stok terpilih dari sektor-sektor perladangan dan dagangan & perkhidmatan yang memberi hasil dividen yang tinggi ekoran suasana pasaran saham yang merudum. Selain itu, Pengurus Tabung juga terus meningkatkan pegangan tunai (dalam bentuk deposit) dalam portfolio. Secara keseluruhan, strategi ini menjurus kepada PGP yang rendah. Dalam masa yang sama, ekoran dari kejatuhan harga saham saiz dana terus mengecil di mana strategi dagangan aktif (peratusan PGP yang tinggi) adalah tidak sesuai dan berisiko tinggi.

* Jumlah Pulangan Tahunan (Bagi Tahun Kewangan Berakhir 15 Ogos)				
2008	2007	2006	2005	2004
(2.0%)	19.8%	(3.5%)	1.6%	10.4%

* Jumlah Purata Pulangan (Bagi Jangkamasa Berakhir 15 Februari)		
Setahun	3 Tahun	5 Tahun
(29.8%)	0.4%	(0.7%)

\* **Sumber:** Lipper

## 2.2 Prestasi FBMEmas (Sumber: Bloomberg)

FBMEmas	Bagi Jangkamasa Berakhir 15 Februari		
	1 Tahun	2 Tahun	3 Tahun
Kadar (Penurunan)/Peningkatan	(39.9%)	(25.6%)	3.9%

## 2.3 Pengagihan Pendapatan/Terbilan Unit Pecahan

Tiada pengagihan pendapatan dan/atau terbitan unit pecahan dicadangkan bagi Tabung sepanjang tempoh setengah tahun kewangan. Manakala pengagihan pendapatan/terbitan unit pecahan bagi 3 tahun kewangan berakhir 15 Ogos adalah seperti berikut:

Tarikh/Tahun	Bagi Tahun Berakhir 15 Ogos		
	2008	2007	2006
Pengagihan Tunai - Kasar (sen seunit)	2.50	3.84	-
- Bersih (sen seunit)	2.12	3.50	-
Unit Pecahan - Nisbah seunit	-	-	-

**Nota:** Unit Pecahan (jika ada) tidak layak menerima pengagihan pendapatan untuk tahun kewangan semasa.

*Pencapaian Tabung pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaian masa hadapan. Harga Unit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah-ubah mengikut pasaran.*


Sila rujuk muka surat 31 - 32 bagi asas pengiraan.

### 3. LAPORAN PENGURUS

Bagi enam (6) bulan berakhir 15 Februari 2009 (16 Ogos 2008 hingga 15 Februari 2009).

#### 3.1 Bandingan Prestasi Tabung dengan Tanda Aras

Prestasi Tabung ini berbanding tanda aras FBMEmas bagi 5 tahun kewangan berakhir 15 Februari 2009 adalah seperti berikut:-



Graf di atas mempamerkan pergerakan prestasi pulangan di antara Tabung dan penanda aras FBMEmas bagi setiap jangkamasa 6 bulan sejak 5 tahun lalu. Pada 6 bulan terakhir jangkamasa tersebut, pulangan Tabung telah mengalami penguncupan sebanyak 17.4%. FBMEmas juga turut mengalami penurunan sebanyak 18.6% bagi jangkamasa yang sama. Penurunan ini adalah disebabkan oleh kejatuhan pasaran saham akibat daripada kemelesetan ekonomi global yang ketara sepanjang tempoh kajian tersebut.

Namun demikian, sejajar dengan prestasi baik di beberapa sektor seperti telekomunikasi, perladangan, utiliti dan lain-lain, Pengurus Tabung menjangkakan prestasi Tabung ini akan terus dipertingkatkan di masa akan datang dengan pengurusan dana yang lebih selektif, berhati-hati serta efektif.

**3.2 Prestasi Kewangan Tabung**

	Enam Bulan Berakhir 15/02/2009 (RM)	Enam Bulan Berakhir 15/02/2008 (RM)	% Perubahan
Dividen Kasar	194,207	355,928	(45.4)
Keuntungan Dari Simpanan Al-Mudharabah	85,655	81,031	5.7
Hibah Dari Simpanan Al-Wadiah	555	1,155	(52.0)
(Kerugian)/Keuntungan Dari Jualan Pelaburan	(132,732)	1,277,783	(110.4)
Pendapatan Pelbagai	369	-	-
Jumlah Pendapatan	148,054	1,715,897	(91.4)
Tolak: Perbelanjaan & Cukai	172,779	276,450	(37.5)
(Kerugian)/Keuntungan Selepas Cukai	(24,725)	1,439,447	(101.7)

**3.3 Unit Dalam Edaran/Nilai Aset Bersih/FBMEmas**

	15/02/2009	15/08/2008	% Perubahan
Unit Dalam Edaran	43,397,000	42,395,000	2.4
Nilai Aset Bersih (RM)	15,066,221	16,909,994	(10.9)
Nilai Aset Bersih/Unit	0.3472	0.3989	(13.0)
FBMEmas	6,212.78	7,633.84	(18.6)

**3.4 Jumlah Pulangan Seunit Bagi Setengah Tahun Kewangan Berakhir 15 Februari 2009**

Pertumbuhan Modal/Unit	Pulangan Pendapatan (Bersih)/Unit	Jumlah Pulangan/Unit
(sen)	(sen)	(sen)
(5.2)	-	(5.2)

Pada 15 Februari 2009, unit di dalam edaran meningkat sebanyak 2.4% berbanding 6 bulan lepas. Manakala, NAB Tabung pula menunjukkan penurunan sebanyak 10.9%. NAB seunit merosot sebanyak RM0.0517 dari RM0.3989 kepada RM0.3472 dalam tempoh yang sama.

FBMEmas yang dijadikan tanda aras prestasi Tabung pula turut mencatat penurunan sebanyak 18.6% untuk jangkamasa yang sama apabila ditutup pada paras 6,212.78 mata.

### 3.5 Polisi Dan Strategi Pelaburan

Polisi pelaburan Tabung ialah dengan melabur di dalam portfolio pelaburan yang dipelbagaikan merangkumi ekuiti dan sekuriti berpendapatan tetap tak tersiarharga yang dibenarkan dan memenuhi Prinsip-Prinsip Syariah.


Sepanjang tempoh interim berakhir 15 Februari 2009, bagi mengurangkan risiko ekoran pasaran saham yang merudum akibat daripada kemelesetan ekonomi global, Pengurus Tabung telah mengurangkan pegangan dalam pasaran ekuiti sekaligus menambahkan pegangan di dalam deposit/tunai berbanding tahun kewangan sebelumnya.

### 3.6 Pengagihan Aset-Aset Tabung


Bagi tempoh di bawah kajian, pengkhususan adalah ke arah saham-saham yang berwajaran tinggi. Ini adalah kerana prospek ke hadapan yang dilihat lebih menguntungkan pada kelas-kelas aset tersebut.

Bagi tempoh setengah tahun kewangan yang berakhir 15 Februari 2009, Pengurus Tabung telah mengurangkan pegangan dalam pasaran ekuiti kepada 52.7% berbanding 69.7% pada penutup tahun kewangan sebelumnya akibat daripada pasaran saham luar negara yang tidak menentu ekoran kemelesetan ekonomi global. Aktiviti-aktiviti pembelian terhadap stok-stok terpilih di dalam sektor-sektor yang berpotensi sambil memberikan pulangan pendapatan seperti sektor perladangan serta minyak dan gas telah dilakukan secara berhati-hati. Pengurus Tabung juga dijangka akan terus menurunkan pegangan ekuiti serta melakukan aktiviti-aktiviti penjualan sejajar dengan kekuatan pasaran dalam jangkamasa pendek.

#### Pengagihan Aset Dana Bestari Pada 15/02/2009



### Pengagihan Aset Dana Bestari Pada 15/08/2008




### 3.7 Prestasi Instrumen Pelaburan

Pecahan pulangan mengikut kelas aset adalah seperti berikut:-

PECAHAN PULANGAN SEUNIT MENGIKUT KELAS ASET						
	15 Feb 2009	15 Ogos 2008	Naik/ Turun (%)	Purata Pendedahan Pelaburan (%)	Purata Pulangan (%)	Pecahan Kepada Jumlah Pulangan (%)
Ekuiti	52.7	69.7	(24.4)	61.2	(27.9)	(17.1)
Simpanan Al- Mudharabah dan lain-lain	47.3	30.3	56.1	38.8	1.4	0.6
Perbelanjaan						(0.9)
<b>Jumlah Pulangan</b>						<b>(17.4)</b>

Sepanjang tempoh kajian, Pengurus Tabung telah melabur di pasaran ekuiti yang berlandaskan Syariah sebanyak 52.7% dan pelaburan tersebut telah menghasilkan purata pulangan negatif 27.9%. Manakala baki pelaburan di dalam instrumen pasaran wang Islam (Simpanan Al-Mudharabah) dan lain-lain bentuk pelaburan yang berlandaskan Syariah pula mencatat purata pulangan yang positif iaitu 1.4% untuk jangkamasa yang sama.

### 3.8 Suasana Bursa Saham Tempatan



Pasaran saham tempatan menunjukkan prestasi kurang bermaya pada bulan Ogos 2008 kesan daripada kemerosotan harga saham-saham perladangan ekoran pasaran serantau yang lemah dan tidak menentu. Pada bulan September dan Oktober 2008, pasaran saham tempatan terus merudum ekoran kebimbangan terhadap kegawatan ekonomi yang berlarutan di Amerika Syarikat (AS) dan kesannya kepada prestasi ekonomi serantau. Selain itu, kejatuhan harga-harga komoditi seperti minyak kelapa sawit menyebabkan harga saham-saham perladangan terus merosot mendorong FBMEs ditutup lebih rendah. Sentimen pasaran yang negatif ini menyebabkan FBMEs terus susut di bawah paras 6,000 mata.

Pasaran tempatan mempamerkan sedikit kekukuhan pada separuh pertama bulan November 2008 dengan minat belian tertumpu kepada saham-saham utama. Ini ekoran pakej rangsangan bernilai USD586 bilion yang diumumkan oleh China untuk mengatasi kemelut ekonomi negara tersebut. Malaysia juga turut serta melalui pakej rangsangan bernilai RM7 bilion disamping beberapa langkah lain untuk menggalakkan perbelanjaan pengguna. Walau bagaimanapun, pasaran saham merundum sedikit pada awal bulan Disember kesan daripada perbelanjaan dalam negeri yang menurun serta pertumbuhan eksport yang perlahan. Sentimen bertukar positif pada minggu kedua ekoran sedikit kegiatan membeli saham murah yang mendorong FBMEs ditutup pada paras 5,758 mata pada pertengahan Disember 2008. Sentimen pasaran saham terus positif pada separuh kedua bulan Disember 2008 ekoran kegiatan membeli saham yang diterajui saham perladangan dan telekomunikasi berikutan jangkaan pendapatan yang lebih baik mendorong FBMEs ditutup pada paras 5,949.63 mata pada akhir Disember 2008.

Kedudukan positif ini berterusan pada separuh pertama Januari 2009 ekoran kenaikan dalam harga minyak sawit mentah kepada RM1,833/mt pada 16 Januari berbanding RM1,576/mt pada 15 Disember 2008, ini telah melonjakkan sektor perladangan pada masa tersebut. Pada masa yang sama, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengurangkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 75 mata asas kepada 2.50% daripada 3.25%.

Pasaran saham di Kuala Lumpur mempamerkan prestasi yang positif pada bulan Januari dan separuh pertama bulan Februari 2009, yang memperlihatkan peningkatan dalam dagangan, sejajar dengan aliran meningkat dalam pasaran serantau yang didorong oleh kenaikan di Wall Street dalam tempoh berkenaan. Para pelabur berharap langkah-langkah rangsangan ekonomi di AS akan mengurangkan kelembapan ekonomi global. Dalam pasaran tempatan pula, pengumuman bajet mini baru-baru ini dijangka dapat meningkatkan sentimen pasaran yang membolehkan penunjuk aras FBMEas ditutup tinggi pada 13 Februari 2009 pada aras 6,212.78 mata.

### 3.9 Suasana Pasaran Wang

Kewangan Islam terus mempamerkan evolusi dan pertumbuhan kukuhnya dalam tempoh persekitaran kewangan antarabangsa yang mencabar ini serta menjadi jentera baru yang menyumbang kepada peningkatan hubungan kewangan bukan sahaja di Asia tetapi juga seluruh dunia. Malah jumlah pusat kewangan antarabangsa telah mengiktiraf kewangan Islam sebagai bahagian dalaman sistem kewangan mereka dalam usaha melengkapkan rangkaian produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan. Petunjuk sektor perbankan Islam terus mencatatkan rentak perkembangan yang progresif di mana aset perbankan Islam telah mengembang 23% kepada RM234.9 bilion berbanding setahun yang lepas. Industri perbankan Islam kini menguasai 16.7% daripada jumlah aset dalam industri. Trend yang sama boleh dilihat dalam pertumbuhan deposit yang mencecah RM180.4 bilion, menokok 27.7% daripada setahun lepas sementara jumlah pembiayaan mengukuh 24.5% kepada RM143.4 bilion.

Sehubungan dengan perkembangan yang pesat ini dan sebagai sebahagian dari sistem kewangan antarabangsa yang berkembang dan penuh cabaran, usaha BNM ialah untuk membina kekuatan dalaman kewangan Islam dan terus memperkukuhkan struktur sokongan untuk memastikan kewangan Islam terus menyumbang bagi menstabilkan sistem kewangan global yang mencabar.

Memandangkan pertumbuhan ekonomi yang perlahan dan untuk menggalakkan permintaan domestik dan pelaburan, BNM telah mengurangkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 75 mata asas kepada 2.50% pada Januari 2009 setelah menurunkan kali pertama sebanyak 25 mata asas pada 24 November 2008 yang lalu. Seajar dengan penurunan ini, kadar pulangan bagi instrumen pasaran wang Islam juga dijangka menurun dalam masa terdekat.

(Sumber: BNM)

### **3.10 Pengagihan Pendapatan/Terbitan Unit Pecahan**

Tiada pengagihan pendapatan dan/atau terbitan unit pecahan dicadangkan bagi Tabung sepanjang tempoh setengah tahun berakhir 15 Februari 2009.

### **3.11 Kepentingan Pemegang-Pemegang Unit**

Di dalam jangkamasa kewangan ini, tiada sebarang kejadian yang menjejaskan kepentingan Pemegang-Pemegang Unit selain dari urusan-ususniaga yang dijalankan selaras dengan Suratikatan Amanah, Garispanduan Tabung Unit Amanah, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa.

### **3.12 Rebet dan Komisen Tidak Langsung**

Pengurus atau Pemegang Amanah tidak dibenarkan menerima sebarang rebet atau komisen dari broker/dealer sebagai imbuhan bagi urusan-ususniaga pelaburan. Sekiranya ada, imbuhan ini perlu disalurkan ke dalam akaun Tabung.

Sepanjang jangkamasa kewangan berakhir 15 Februari 2009, Pengurus tidak menerima sebarang imbuhan daripada broker/dealer selain daripada laporan ataupun material penyelidikan yang berkaitan dengan ekonomi, pasaran saham mahupun analisa penyelidikan terhadap sesuatu syarikat yang tersenarai ataupun hendak disenaraikan di Bursa Malaysia, yang mana digunakan untuk rujukan penyelidikan pelaburan.

#### **4. PERNYATAAN PENGURUS**

**Kepada Pemegang-Pemegang Unit  
DANA BESTARI**

Kami sebagai Pengarah-Pengarah kepada ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD, selaku Pengurus kepada DANA BESTARI berpendapat penyata kewangan yang tidak diaudit yang dibentangkan memberikan maklumat dan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan Tabung pada 15 Februari 2009, pergerakan nilai aset bersih, hasil kendalian aset serta aliran tunai Tabung untuk jangkamasa yang berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan diubahsuai menurut Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Untuk dan bagi pihak  
**ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD**  
Selaku Pengurus DANA BESTARI

**NIK MOHAMED ZAKI BIN NIK YUSOFF**  
Pengarah

**DATO' KAMARUDDIN BIN MOHAMMED**  
Pengarah

**KUALA LUMPUR**  
6 Mac 2009

## 5. LAPORAN PEMEGANG AMANAH

### Kepada Pemegang-Pemegang Unit DANA BESTARI

AMANAH RAYA BERHAD, selaku Pemegang Amanah kepada DANA BESTARI ("Unit Amanah") berpendapat bahawa ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD, selaku Pengurus Unit Amanah telah menjalankan tanggungjawab mereka bagi tempoh kewangan berakhir 15 Februari 2009, seperti berikut:

- a) Unit Amanah ini telah diuruskan selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus dan Pemegang Amanah dan peruntukan-peruntukan lain yang termaktub di dalam Suratikatan, Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti ("Garis Panduan"), Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan undang-undang lain yang diterimapakai berkuatkuasa bagi tempoh kewangan berakhir 15 Februari 2009, dengan mengambil kira segala pengecualian yang telah diberikan kepada Unit Amanah;
- b) Prosedur dan proses yang digunakan oleh Pengurus untuk menilai dan/atau menentukan harga unit Tabung tersebut adalah mencukupi dan selaras dengan Suratikatan dan peruntukan undang-undang yang berkaitan; dan
- c) Jualan, belian balik dan penjadian unit DANA BESTARI dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan, Garis Panduan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Untuk dan bagi pihak  
**AMANAH RAYA BERHAD**

**DATO' AHMAD RODZI PAWANTEH**  
Pengarah Urusan Kumpulan

**KUALA LUMPUR**  
**23 Mac 2009**

## 6. PERNYATAAN PENASIHAT SYARIAH

### Pemegang-Pemegang Unit Yang Dihormati

Kami telah bertindak selbagai Penasihat Syariah ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD bagi DANA BESTARI untuk jangkamasa kewangan berakhir 15 Februari 2009. Tanggungjawab kami adalah untuk memastikan prosedur-prosedur dan proses yang dilaksanakan oleh ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD serta peruntukan-peruntukan yang termaktub di dalam Suratikatan Induk Tambahan Kelima bertarikh 6 September 2005 dan telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti pada 8 September 2005, mematuhi Prinsip-Prinsip Syariah.

Pada pendapat kami, untuk jangkamasa kewangan berakhir 15 Februari 2009, ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD telah mengurus dan mentadbir DANA BESTARI mengikut Prinsip-Prinsip Syariah dan mematuhi segala Garispanduan yang berkaitan, arahan atau keputusan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti mengenai perkara-perkara Syariah.

Kami juga berpendapat bahawa DANA BESTARI yang dikendalikan oleh ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD adalah mengandungi sekuriti-sekuriti yang telah dikategorikan sebagai patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (MPSSC). Walau bagaimanapun bagi sekuriti yang belum disahkan oleh MPSSC, kami telah membuat semakan dan berpendapat bahawa sekuriti-sekuriti tersebut adalah patuh Syariah.

**DATO' DR. ABDUL HALIM ISMAIL**  
Pengarah Eksekutif  
BIMB Securities Sdn Bhd

Kuala Lumpur  
27 Mac 2009

## 7. PENYATA KEWANGAN

LEMBARAN IMBANGAN YANG TIDAK DIAUDIT  
PADA 15 FEBRUARI 2009

	NOTA	15.02.2009 RM	15.08.2008 RM
<b>PELABURAN</b>	<b>4</b>		
SAHAM TERSIARHARGA		7,928,624	11,774,838
SIMPANAN AL-MUDHARABAH	<b>5</b>	6,815,631	5,067,409
		<u>14,744,255</u>	<u>16,842,247</u>
<b>LAIN-LAIN ASET</b>			
SIMPANAN AL-WADIAH		166,573	382,575
TERHUTANG OLEH PENGURUS		13,748	-
TERHUTANG OLEH BROKER SAHAM		-	543,127
LAIN-LAIN SIBERHUTANG		110,762	214,721
TUNTUTAN CUKAI		249,909	178,404
		<u>540,992</u>	<u>1,318,827</u>
<b>JUMLAH ASET</b>		<u>15,285,247</u>	<u>18,161,074</u>
<b>LIABILITI</b>			
TERHUTANG KEPADA PENGURUS		9,183	11,067
TERHUTANG KEPADA PEMEGANG AMANAH		612	738
TERHUTANG KEPADA BROKER SAHAM		-	168,137
LAIN-LAIN SIPIUTANG		1,560	1,840
TAZKIAH	<b>12</b>	2,059	1,766
PENGAGIHAN	<b>6</b>	-	898,774
PERUNTUKAN CUKAI		205,612	168,758
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<u>219,026</u>	<u>1,251,080</u>
<b>NILAI ASET BERSIH</b>	<b>7</b>	<u>15,066,221</u>	<u>16,909,994</u>
<b>KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT</b>			
MODAL UNIT BERSIH	<b>8</b>	17,801,720	17,437,756
RIZAB BELUM DIREALISASI	<b>9</b>	(3,087,973)	(895,214)
KEUNTUNGAN TERKUMPUL		352,474	367,452
		<u>15,066,221</u>	<u>16,909,994</u>
<b>UNIT DALAM EDARAN</b>	<b>8</b>	<u>43,397,000</u>	<u>42,395,000</u>
<b>NILAI ASET BERSIH SEUNIT (RM)</b>		<u>0.3472</u>	<u>0.3989</u>

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN  
YANG TIDAK DIAUDIT UNTUK JANGKAMASA  
KEWANGAN BERAKHIR 15 FEBRUARI 2009**

	<u>NOTA</u>	ENAM BULAN	ENAM BULAN
		BERAKHIR <u>15.02.2009</u> RM	BERAKHIR <u>15.02.2008</u> RM
<b>PENDAPATAN</b>			
DIVIDEN KASAR		194,207	355,928
KEUNTUNGAN DARI SIMPANAN AL-MUDHARABAH		85,655	81,031
HIBAH DARI SIMPANAN AL-WADIAH		555	1,155
(KERUGIAN)/KEUNTUNGAN DARI JUJUALAN PELABURAN		(132,732)	1,277,783
PENDAPATAN PELBAGAI		369	-
		<u>148,054</u>	<u>1,715,897</u>
<b>PERBELANJAAN</b>			
YURAN PENGURUS	10	115,077	163,173
YURAN PEMEGANG AMANAH	11	7,672	10,878
YURAN AUDIT		600	600
YURAN AGEN CUKAI		320	320
TAZKIAH	12	293	273
PERBELANJAAN PENTADBIRAN		11,964	10,689
		<u>135,926</u>	<u>185,933</u>
<b>KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI</b>		<b>12,128</b>	<b>1,529,964</b>
CUKAI	13	(36,853)	(90,517)
<b>(KERUGIAN)/KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI</b>		<b>(24,725)</b>	<b>1,439,447</b>
PENGIMBANGAN AGIHAN		9,747	(106,615)
		<u>(14,978)</u>	<u>1,332,832</u>
<b>BAKI KEUNTUNGAN TERKUMPUL DIBAWA KE HADAPAN</b>		<b>367,452</b>	<b>306,849</b>
<b>BAKI KEUNTUNGAN TERKUMPUL DIHANTAR KE HADAPAN</b>		<b>352,474</b>	<b>1,639,681</b>
<b>(KERUGIAN)/KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI TERHASIL OLEH:</b>			
<b>(KERUGIAN)/KEUNTUNGAN DIREALISASI</b>		<b>(24,725)</b>	<b>1,439,447</b>
<b>KEUNTUNGAN BELUM DIREALISASI</b>		<b>-</b>	<b>-</b>
		<u>(24,725)</u>	<u>1,439,447</u>

**PENYATA PERUBAHAN PADA NILAI ASET BERSIH  
YANG TIDAK DIAUDIT UNTUK JANGKAMASA  
KEWANGAN BERAKHIR 15 FEBRUARI 2009**

	<u>15.02.2009</u> RM	<u>15.02.2008</u> RM
Nilai Aset Bersih pada awal jangkamasa	<b>16,909,994</b>	21,708,574
Penjadian unit dalam jangkamasa	<b>363,964</b>	883,894
	<b>17,273,958</b>	22,592,468
Perlucutan unit dalam jangkamasa	-	(3,822,672)
	<b>17,273,958</b>	18,769,796
(Kerugian)/Keuntungan direalisasi dalam jangkamasa	<b>(24,725)</b>	1,439,447
Pengimbangan agihan	<b>9,747</b>	(106,615)
	<b>(14,978)</b>	1,332,832
(Penurunan)/Peningkatan nilai pasaran dalam jangkamasa	<b>(2,192,759)</b>	1,468,393
Nilai Aset Bersih pada akhir jangkamasa	<b>15,066,221</b>	21,571,021

**PENYATA ALIRAN TUNAI YANG TIDAK DIAUDIT  
UNTUK JANGKAMASA KEWANGAN BERAKHIR  
15 FEBRUARI 2009**

	<u>15.02.2009</u>	<u>15.02.2008</u>
	RM	RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN DAN OPERASI</b>		
Perolehan dari penjualan pelaburan	3,462,041	8,080,409
Pembelian pelaburan	(1,566,327)	(7,087,431)
Dividen diterima	224,627	64,177
Keuntungan dari simpanan Al-Mudharabah	88,057	81,139
Hibah dari simpanan Al-Wadiah	555	1,132
Yuran pengurusan telah dijelaskan	(116,961)	(164,440)
Yuran Pemegang Amanah telah dijelaskan	(7,797)	(10,963)
Yuran audit telah dijelaskan	(1,200)	(1,200)
Perbelanjaan pentadbiran	(11,964)	(10,689)
	<hr/>	<hr/>
Tunai bersih dari aktiviti pelaburan dan operasi	2,071,031	952,134
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Perolehan daripada penjadian unit	359,963	1,314,030
Agihan telah dijelaskan	(898,774)	(1,709,575)
Penjelasan tunai bagi perlucutan unit	-	(3,959,353)
	<hr/>	<hr/>
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(538,811)	(4,354,898)
<b>LEBIHAN/(KURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN TUNAI SEBENTUK</b>		
	1,532,220	(3,402,764)
<b>TUNAI DAN TUNAI SEBENTUK PADA AWAL JANGKAMASA</b>		
	5,449,984	8,101,897
<b>TUNAI DAN TUNAI SEBENTUK PADA AKHIR JANGKAMASA</b>		
	<hr/> <b>6,982,204</b> <hr/>	<hr/> <b>4,699,133</b> <hr/>
<b>TUNAI DAN TUNAI SEBENTUK</b>		
Simpanan Al-Wadiah	166,573	111,970
Simpanan Al-Mudharabah	6,815,631	4,587,163
	<hr/> <b>6,982,204</b> <hr/>	<hr/> <b>4,699,133</b> <hr/>

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN  
UNTUK JANGKAMASA KEWANGAN BERAKHIR  
15 FEBRUARI 2009**

**1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN AKTIVITI UTAMA**

Dana Bestari (dahulunya dikenali sebagai "Kumpulan Modal Bumiputera Yang Kelapan") diuruskan oleh ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD mula dilancarkan pada 17 Julai 1975 dan telah dilancarkan semula pada 3 Oktober 2002 akan terus beroperasi sehingga ia diberhentikan atau dibubarkan mengikut peruntukan Suratikatan Amanah dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Aktiviti utama Dana Bestari ialah urusniaga sekuriti bolehpasar dimana pelaburan dibuat di dalam "Pelaburan yang Dibenarkan" sebagaimana yang didefinisikan di bawah Klausa 1 di dalam Suratikatan Amanah dan tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Sekuriti dan berlandaskan Prinsip-Prinsip Syariah dari semasa ke semasa. Ini termasuk sekuriti yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan di dalam instrumen pasaran kewangan yang diluluskan mengikut Prinsip-Prinsip Syariah.

Pengurus adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Amanah Saham Mara Berhad. Aktiviti utama Pengurus ialah pengurusan Tabung-Tabung Unit Amanah dan Dana Korporat.

**2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN**

Operasi Tabung Unit Amanah ini adalah terdedah kepada beberapa risiko yang mana antara lainnya termasuklah risiko pasaran, risiko kecairan, risiko spesifik dan risiko kadar keuntungan Mudharabah. Pengurusan risiko kewangan dilaksanakan melalui sistem kawalan dalaman serta sekatan-sekatan pelaburan yang digariskan di dalam Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti dan mengikut Prinsip-Prinsip Syariah yang ditetapkan.

**(a) Risiko Pasaran**

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa perniagaan Unit Amanah melalui ketidakpastian dalam harga pasaran yang dipengaruhi oleh perubahan dalam persekitaran pasaran termasuk perubahan ekonomi secara global, peraturan, politik dan kadar keuntungan. Unit Amanah menguruskan risiko pasaran melalui garispanduan dan polisi pelaburan yang disediakan serta strategi kepelbagaian pengagihan portfolio aset Tabung.

**(b) Risiko Kecaian**

Unit Amanah menguruskan aliran tunai dengan menempatkan sebahagian tunai dalam simpanan Al-Mudharabah dengan memastikan pulangan yang maksimum dan mengambil peluang ke atas pelaburan dan peluang baru. Risiko kecairan adalah risiko Unit Amanah menghadapi kesulitan untuk mendapatkan dana bagi memenuhi komitmen kewangan.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN  
UNTUK JANGKAMASA KEWANGAN BERAKHIR  
15 FEBRUARI 2009**

**(c) Risiko Spesifik**

Risiko spesifik adalah risiko yang dialami melalui pelaburan terhadap syarikat-syarikat yang mengalami perubahan dalam prestasi perniagaan, citarasa dan permintaan pengguna, tindakan undang-undang dan amalan pengurusan. Risiko ini boleh dikurangkan melalui kepelbagaian dalam pelaburan dan sekatan pelaburan yang digariskan oleh Garispanduan Tabung Unit Amanah dan berlandaskan kepada Prinsip-Prinsip Syariah.

**(d) Risiko Kadar Keuntungan Mudharabah**

Unit Amanah menguruskan risiko kadar keuntungan Mudharabah dengan mengekalkan portfolio instrumen kewangan berdasarkan Garispanduan dan polisi pelaburan serta semakan yang kerap ke atas kadar keuntungan Mudharabah dan jangkaan pasaran. Risiko kadar keuntungan Mudharabah adalah risiko nilai instrumen kewangan Unit Amanah yang sensitif terhadap kadar keuntungan akan berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam kadar keuntungan pasaran.

**3. HURAIAN DASAR PERAKAUNAN PENTING**

**(a) Asas Perakaunan**

Penyata kewangan telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah diubahsuai dengan penilaian semula pelaburan dan ianya disediakan menurut Piawaian Perakaunan Malaysia diterimapakai secara amnya dan diubahsuai menurut Garispanduan Tabung Unit Amanah oleh Suruhanjaya Sekuriti.

**(b) Saham Tersiarharga**

Saham tersiarharga adalah dinilai menurut harga penutup pasaran di Bursa Malaysia pada tarikh penutup jangkamasa kewangan berakhir.

**(c) Pendapatan Dividen**

Kiraan dividen-dividen dari pelaburan ditetapkan mengikut asas akruan sebaik sahaja harga saham syarikat berkenaan dicatat "XD" (tanpa dividen) di Bursa Malaysia.

**(d) Keuntungan dari Simpanan Al-Mudharabah**

Keuntungan dari Simpanan Al-Mudharabah adalah diambilkira berdasarkan asas akruan.

**(e) Keuntungan/(Kerugian) dari Penjualan Pelaburan**

Kos yang diambilkira bagi menentukan keuntungan/ (kerugian) dari penjualan pelaburan adalah berdasarkan kepada kos purata wajar.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN  
UNTUK JANGKAMASA KEWANGAN BERAKHIR  
15 FEBRUARI 2009**

**(f) Keuntungan/(Kerugian) Belum Direalisasi**

Keuntungan/(Kerugian) belum direalisasi mewakili keuntungan/(kerugian) akibat daripada penilaian sekuriti yang disebut harga pada nilai pasaran

**(g) Penjadian dan Perlucutan Unit**

Penerimaan dari penjadian unit dan pembayaran atas perlucutan unit adalah berdasarkan nilai pasaran unit yang terdiri dari bahagian modal dan bahagian pendapatan pada tarikh penjadian atau perlucutan berkenaan.

**(h) Pengimbangan Agihan**

Pengimbangan agihan diambil kira pada tarikh penjadian dan perlucutan berdasarkan purata jumlah pendapatan yang boleh diagihkan termasuk dalam harga penjadian dan perlucutan unit.

**(i) Tunai dan Tunai Sebentuk**

Tunai dan tunai sebentuk meliputi simpanan Al-Mudharabah dan Al-Wadiah dengan bank dan institusi kewangan berlesen di mana simpanan tersebut adalah berlandaskan kepada Prinsip-Prinsip Syariah.

**(j) Instrumen Kewangan**

Aset dan Liabiliti kewangan yang dinyatakan dalam Lembaran Imbangan adalah merangkumi tunai di bank, pelaburan sekuriti saham tersiarharga, simpanan di institusi-institusi kewangan, penghutang dan pemiutang. Polisi perakaunan tentang perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan butiran perjanjian kontrak. Keuntungan dari simpanan Al-Mudharabah dan Al-Wadiah, dividen, keuntungan atau kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai aset, dilaporkan sebagai pendapatan atau kerugian dari pelaburan.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN  
UNTUK JANGKAMASA KEWANGAN BERAKHIR  
15 FEBRUARI 2009**

**4. PELABURAN**

Butir-butir adalah seperti berikut:-	<u>15.02.2009</u> RM	<u>15.08.2008</u> RM
(a) Saham tersiarharga @ jumlah kos	11,016,597	12,670,052
Kurangan nilai pasaran	(3,087,973)	(895,214)
Nilai Pasaran	7,928,624	11,774,838
(b) Simpanan Al-Mudharabah	6,815,631	5,067,409
Jumlah Pelaburan	<u>14,744,255</u>	<u>16,842,247</u>

Senarai Pelaburan adalah seperti di Jadual A.

**5. SIMPANAN AL-MUDHARABAH**

Simpanan Al-Mudharabah adalah meliputi simpanan tetap berlandaskan Prinsip-Prinsip Syariah di dalam institusi kewangan berlesen seperti berikut:-

	<u>15.02.2009</u> RM	<u>15.08.2008</u> RM
(a) Bank Pelaburan	2,910,245	2,319,403
(b) Bank Saudagar/Perdagangan	3,905,386	2,748,006
	<u>6,815,631</u>	<u>5,067,409</u>

Purata kadar keuntungan sepanjang jangkamasa kewangan dan purata tempoh akan matang simpanan pada tarikh jangkamasa kewangan adalah seperti berikut:-

	<u>Purata Kadar Keuntungan</u> %	<u>Purata Tempoh Akan Matang</u> Hari
(a) Bank Pelaburan	2.42	25
(b) Bank Saudagar/Perdagangan	2.47	24

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN  
UNTUK JANGKAMASA KEWANGAN BERAKHIR  
15 FEBRUARI 2009**

**6. PENGAGIHAN**

Tiada peruntukan pengagihan (interim) disyorkan kepada Pemegang-Pemegang Unit bagi jangkamasa kewangan berakhir 15 Februari 2009 [2008: Pengagihan tunai 2.50 sen (kasar) (bersih 2.12 sen) seunit bagi tahun kewangan berakhir 15 Ogos 2008].

**7. NILAI ASET BERSIH**

Nilai Aset Bersih diambilkira setelah menolak jumlah liabiliti Tabung daripada jumlah aset Tabung.

**8. MODAL UNIT BERSIH**

	<u>15.02.2009</u>		<u>15.08.2008</u>	
	Unit	RM	Unit	RM
Baki dibawa ke hadapan	<b>42,395,000</b>	<b>17,437,756</b>	48,845,000	20,376,535
Penjadian dalam jangkamasa	<b>1,002,000</b>	<b>363,964</b>	1,940,000	883,894
	<b>43,397,000</b>	<b>17,801,720</b>	50,785,000	21,260,429
Perlucutan dalam jangkamasa	-	-	(8,390,000)	(3,822,673)
Baki pada tarikh penutup	<b>43,397,000</b>	<b>17,801,720</b>	42,395,000	17,437,756

Saiz maksimum Tabung yang dibenarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti adalah sebanyak 250,000,000 unit.

**9. RIZAB BELUM DIREALISASI**

	<u>15.02.2009</u>	<u>15.08.2008</u>
	RM	RM
Baki dibawa ke hadapan	<b>(895,214)</b>	1,025,190
Penurunan nilai pasaran dalam jangkamasa	<b>(2,192,759)</b>	(1,920,404)
Baki pada tarikh penutup	<b>(3,087,973)</b>	(895,214)

**10. YURAN PENGURUS**

Yuran yang dibayar kepada Pengurus, ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD adalah dikira secara harian berdasarkan 1.5% setahun ke atas Nilai Aset Bersih sebelum mengambilkira yuran pengurusan dan yuran Pemegang Amanah terakru harian.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN  
UNTUK JANGKAMASA KEWANGAN BERAKHIR  
15 FEBRUARI 2009**

**11. YURAN PEMEGANG AMANAH**

Yuran yang dibayar kepada Pemegang Amanah, Amanah Raya Berhad adalah dikira secara harian berdasarkan 0.1% setahun ke atas Nilai Aset Bersih sebelum mengambilkira yuran pengurusan dan yuran Pemegang Amanah terakru harian.

**12. TAZKIAH**

Tazkiah adalah penyucian sebahagian pendapatan dividen yang diperolehi dari peratus pelaburan yang meragukan. Pendapatan meragukan yang diterima ditapis melalui kaedah penyucian yang telah ditetapkan oleh Penasihat Syariah yang dilantik. Tazkiah dikira berdasarkan 2.5% ke atas pendapatan meragukan di mana peratus keraguan adalah ditetapkan oleh Penasihat Syariah.

**13. CUKAI**

	<u>15.02.2009</u>	<u>15.02.2008</u>
	RM	RM
Peruntukan cukai semasa	<b>(36,853)</b>	(90,517)

Cukai adalah dikenakan pada kadar cukai 25% [2008: 26%] ke atas pendapatan bercukai dividen setelah ditolak perbelanjaan dibenar pada kadar 10%.

Pengiraan peruntukan cukai semasa di mana amaun diselaraskan seperti berikut:-

	<u>15.02.2009</u>	<u>15.02.2008</u>
	RM	RM
Keuntungan sebelum cukai	<b>12,128</b>	1,529,964
Cukai Malaysia @ 25% [2008: 26%]	<b>(3,032)</b>	(397,791)
Kesan cukai dari pendapatan yang tidak dikenakan cukai	<b>(7,835)</b>	354,424
Kesan cukai dari perbelanjaan yang tidak dibenar	<b>(25,986)</b>	(43,798)
Peruntukan cukai semasa	<b>(36,853)</b>	(87,165)
Peruntukan terkurang tahun semasa	-	(3,352)
	<b>(36,853)</b>	(90,517)

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN  
UNTUK JANGKAMASA KEWANGAN BERAKHIR  
15 FEBRUARI 2009**

**14. KEPENTINGAN PENGURUS DAN PENGARAH-PENGARAH**

Butir-butir kepentingan Pengurus dan Pengarah-Pengarah Syarikat di dalam Tabung ini adalah seperti berikut:-

	<u>15.02.2009</u>	<u>15.02.2008</u>
(a) <u>Unit Pegangan</u>		
ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD	<b>62,066.90 unit bernilai RM21,549.63</b>	1,975,603.37 unit bernilai RM1,005,186.99
Pengarah-Pengarah	<b>1,863.11 unit bernilai RM646.87</b>	Tiada
(b) <u>Perbelanjaan</u>		
Yuran Pengurus yang telah dibayar dan terakru	<b>RM115,077</b>	RM163,173

Urusniaga-urusniaga di antara Tabung dan Pengurus serta pihak berkaitan dijalankan berdasarkan transaksi perniagaan yang normal.

**15. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN (NPP)**

Pengiraan NPP adalah seperti berikut:-

	<u>15.02.2009</u>	<u>15.02.2008</u>
NPP = $\frac{\text{Fi} + \text{Perbelanjaan yang didapatkan balik}}{\text{Saiz Purata Tabung dikira setiap hari urusniaga}} \times 100$	<b>0.89%</b>	0.86%

Nisbah jumlah bayaran yuran dan perbelanjaan Tabung berbanding nilai purata harian Tabung bagi jangkamasa kewangan 6 bulan adalah bertepatan dan munasabah.

**16. PUSING GANTI PORTFOLIO (PGP)**

Pengiraan PGP adalah seperti berikut:-

	<u>15.02.2009</u>	<u>15.02.2008</u>
PGP = $\frac{\text{Jumlah kos belian} + \text{Jumlah kos jualan}}{\text{Saiz Purata Tabung dikira setiap hari urusniaga}} / 2$	<b>0.14 kali</b>	0.35 kali

Nisbah pusingan bagi jumlah purata kos belian dan jualan pelaburan berbanding nilai purata harian Tabung bagi jangkamasa kewangan 6 bulan adalah bertepatan dan munasabah.

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN  
UNTUK JANGKAMASA KEWANGAN BERAKHIR  
15 FEBRUARI 2009**

**17. URUSNIAGA DENGAN BROKER/DEALER  
(16/08/2008 – 15/02/2009)**

<b>Nama Broker/Dealer</b>	<b>Nilai Transaksi RM</b>	<b>%</b>	<b>Komisen &amp; Fi RM</b>	<b>%</b>
ECM-Libra Investment Bank Bhd.	1,040,350	24.07	3,786	23.40
KAF-Seagroatt & Campbell Securities Sdn. Bhd.	739,380	17.10	2,811	17.38
Affin Investment Bank Bhd.	724,950	16.77	2,756	17.04
Maybank Investment Bank Bhd.	388,550	8.99	1,478	9.14
BIMB Securities Sdn. Bhd.	360,000	8.33	1,369	8.46
MIDF Amanah Investment Bank Bhd.	320,720	7.42	1,200	7.42
OSK Investment Bank Bhd.	292,950	6.78	1,042	6.44
RHB Investment Bank Bhd.	259,500	6.00	987	6.10
AmlInvestment Bank Bhd.	196,500	4.54	747	4.62
<b>Jumlah Transaksi</b>	<b>4,322,900</b>	<b>100.00</b>	<b>16,176</b>	<b>100.00</b>

JADUAL A

## SENARAI PELABURAN PADA 15 FEBRUARI 2009

BIL.	NAMA SYARIKAT	JUMLAH SAHAM	JUMLAH KOS	PERATUS NILAI PASARAN KE ATAS NILAI ASET BERSIH	
				NILAI PASARAN	%
			RM	RM	%
<b>A. SAHAM TERSIARHARGA</b>					
<b>PAPAN UTAMA</b>					
<b>BARANGAN PENGGUNA</b>					
1	Nestle (M) Bhd	21,900	518,423	607,725	4.03
	<b>Jumlah Kecil</b>		<b>518,423</b>	<b>607,725</b>	<b>4.03</b>
<b>BARANGAN INDUSTRI</b>					
1	YTL Cement Bhd	110,392	395,139	269,356	1.79
	<b>Jumlah Kecil</b>		<b>395,139</b>	<b>269,356</b>	<b>1.79</b>
<b>PEMBINAAN</b>					
1	Gamuda Bhd	100,000	245,932	210,000	1.40
2	Muhibbah Engineering (M) Bhd	300,000	1,123,880	309,000	2.05
3	YTL Corporation Bhd	127,500	682,782	911,625	6.05
4	Zelan Bhd	180,000	949,903	151,200	1.00
	<b>Jumlah Kecil</b>		<b>3,002,497</b>	<b>1,581,825</b>	<b>10.50</b>
<b>DAGANGAN/PERKHIDMATAN</b>					
1	Amway (M) Holdings Bhd	136,000	908,353	965,600	6.41
2	Sime Darby Bhd	120,000	807,243	684,000	4.54
3	Sealink International Bhd	400,000	500,000	182,000	1.21
4	Tenaga Nasional Bhd	130,050	1,516,550	825,818	5.48
5	Telekom Malaysia Bhd	170,000	530,615	550,800	3.65
6	TM International Bhd	200,000	1,477,885	676,000	4.49
	<b>Jumlah Kecil</b>		<b>5,740,646</b>	<b>3,884,218</b>	<b>25.78</b>

JADUAL A

## SENARAI PELABURAN PADA 15 FEBRUARI 2009

BIL.	NAMA SYARIKAT	JUMLAH SAHAM	JUMLAH KOS RM	NILAI PASARAN RM	PERATUS
					NILAI PASARAN KE ATAS NILAI ASET BERSIH %
<b>A. SAHAM TERSIARHARGA</b>					
<b>PAPAN UTAMA</b>					
<b>HARTANAH</b>					
1	SP Setia Bhd	200,000	718,493	672,000	4.46
	Jumlah Kecil		<u>718,493</u>	<u>672,000</u>	<u>4.46</u>
<b>PERLADANGAN</b>					
1	TH Plantations Bhd	609,000	641,399	913,500	6.06
	Jumlah Kecil		<u>641,399</u>	<u>913,500</u>	<u>6.06</u>
	Jumlah Saham Tersiarharga		<u>11,016,597</u>	<u>7,928,624</u>	<u>52.62</u>
	Kerugian Belum Direalisasi		<u>(3,087,973)</u>		
			<u>7,928,624</u>		
<b>B. SIMPANAN AL-MUDHARABAH</b>					
				<u>6,815,631</u>	<u>45.24</u>
				<u>14,744,255</u>	<u>97.86</u>

## 8. ASAS PENGIRAAN MAKLUMAT PRESTASI DAN PENCAPAIAN DANA

### ◆ Kandungan Portfolio

Kandungan portfolio adalah dikira mengikut harga penutup pasaran pada setiap 15 Februari.

### ◆ Kaedah Harga Tunggal (SPR)

Berkuatkuasa 1 Julai 2007, Kaedah Harga Tunggal (SPR) telah digunakan bagi menggantikan kaedah Dwipenetapan Harga (*Dual Pricing*). Melalui kaedah ini, penjualan, pembelian balik, perlucutan dan perjadian unit-unit oleh Pengurus akan dilaksanakan pada Nilai Aset Bersih (NAB) seunit pada penutup hari urusniaga. Yuran kemasukan/pengeluaran (jika ada) akan dikira secara berasingan berdasarkan NAB pelaburan unit-unit anda.

### ◆ Nilai Aset Bersih (NAB)

NAB diambilkira setelah menolak jumlah nilai liabiliti Tabung daripada jumlah nilai aset Tabung pada penutup hari urusniaga. NAB seunit di perolehi dengan membahagikan NAB dengan unit dalam edaran pada tarikh yang sama.

### ◆ Harga Jualan Seunit

Harga jualan seunit ialah harga yang dijual oleh Pengurus kepada Pemegang Unit dengan mengambilkira NAB pada penutup hari urusniaga dibahagi dengan bilangan unit dalam pusingan pada hari tersebut dan dikenakan caj jualan tidak melebihi 6.5%. Walau bagaimanapun, berkuatkuasa 1 Januari 2008, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah menghadkan caj jualan ke atas pelabur-pelabur di bawah Skim Pelaburan Ahli KWSP kepada tidak melebihi 3%.

### ◆ Harga Belian Seunit

Harga belian seunit ialah harga yang sedia dibeli oleh Pengurus daripada Pemegang Unit yang ingin menjual kembali unit-unit pelaburan mereka pada harga NAB Tabung.

### ◆ Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP)

Pengiraan NPP adalah seperti berikut:

$$\text{NPP} = \frac{\text{Fi} + \text{Perbelanjaan yang didapatkan balik}}{\text{Saiz Purata Tabung dikira setiap hari urusniaga}} \times 100$$

### ◆ Pusing Ganti Portfolio (PGP)

Pengiraan PGP adalah seperti berikut:

$$\text{PGP} = \frac{(\text{Jumlah kos belian} + \text{Jumlah kos jualan}) / 2}{\text{Saiz Purata Tabung dikira setiap hari urusniaga}}$$

**◆ Jumlah Pulangan**

Jumlah pulangan ialah jumlah pulangan pendapatan bersih dan pertumbuhan nilai modal dikira seperti berikut:-

$$\frac{\text{NAB (cD bagi tempoh kewangan semasa)}}{\text{NAB (xD bagi tahun kewangan sebelumnya)}} - 1 \times 100$$
  
(selepas penyelarasan unit-unit pecahan sekiranya ada)

**◆ Pengagihan Pendapatan (Jika ada)**

Pengagihan pendapatan kasar adalah pengagihan tunai sebelum cukai dalam tahun kewangan, manakala pengagihan pendapatan bersih adalah pengagihan tunai selepas peruntukan cukai.

$$\frac{\text{Pengagihan tunai bersih di dalam tempoh kewangan}}{\text{NAB (xD bagi tahun kewangan sebelumnya)}} \times 100$$
  
(selepas penyelarasan unit-unit pecahan sekiranya ada)

**◆ Pertumbuhan Modal**

Pertumbuhan modal dikira dengan mengambil perbezaan jumlah pulangan dan jumlah pulangan pendapatan.

**◆ Purata Pulangan Tahunan**

Purata pulangan tahunan ialah jumlah pulangan pendapatan dan pertumbuhan nilai modal dibahagi dengan bilangan tahun selepas penyelarasan Unit-Unit Pecahan (jika ada).

## 9. MAKLUMAT TAMBAHAN

### ◆ PEMBAYARAN PENGAGIHAN

Waran-waran pengagihan (jika ada) akan dihantar dalam jangkamasa dua (2) bulan selepas tarikh tutup tahun kewangan. Waran-waran tersebut sah laku selama enam (6) bulan dari tarikh pengeluaran. **Anda dinasihatkan menunaikan waran-waran pengagihan dengan segera. Harap ambil perhatian bahawa waran-waran pengagihan yang tidak ditunaikan selepas enam (6) bulan dari tarikh pengeluarannya akan dilaburkan semula mengikut harga jualan pada penutup hari kelima belas (15) bulan berikutnya atau tarikh lebih awal sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Pengurus.**

### ◆ MELABURKAN SEMULA PENGAGIHAN

Bagi pelaburan semula pengagihan, anda boleh memilih samada untuk menerima waran pengagihan, cek atau melabur semula pada harga Nilai Aset Bersih (NAB), tiga puluh (30) hari selepas tamat tempoh kewangan Tabung. Anda boleh melabur semula dengan membuat pilihan yang sesuai di dalam Borang Permohonan atau memberi arahan kepada Pengurus secara bertulis atau melalui faks. Pengurus akan bertindak berdasarkan arahan yang dibuat secara bertulis sebelum tarikh pengagihan. **Walau bagaimanapun, untuk pengagihan yang bernilai kurang dari RM50.00, ianya akan dilaburkan semula secara automatik pada nilai NAB, tiga puluh (30) hari selepas tamat tempoh kewangan Tabung.**

### ◆ PERTUKARAN KE LAIN-LAIN TABUNG

Semua Pemegang-Pemegang Unit Tabung sedia ada yang diuruskan oleh ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD diberi kemudahan untuk menukar Tabung yang disertai ke lain-lain Tabung (kecuali Amanah Saham Pekerja-Pekerja TNB) tanpa dikenakan caj jualan. Walau bagaimanapun, caj jualan akan dikenakan sekiranya melibatkan pertukaran kali pertama Tabung SMMF ke lain-lain Tabung. Unit akan ditebus dan hasil jualan tersebut dibelikan unit bagi Tabung unit amanah yang baru berasaskan NAB seunit mengikut harga hadapan ketika permohonan diterima. Tiada had bagi pertukaran antara Tabung-Tabung. Disamping itu tiada bayaran dikenakan bagi transaksi pertama hingga transaksi keempat, namun bayaran minimum caj pertukaran RM10.00 akan dikenakan untuk transaksi kelima dalam satu-satu tahun kalendar. Pertukaran minimum bagi setiap transaksi hendaklah tidak kurang daripada 100 unit. **Urusan pertukaran Tabung ini tidak dibenarkan melalui ejen.**

### ◆ KEMUDAHAN MENAMBAH MODAL MELALUI BANK (AUTODEBIT)

ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD menyediakan kemudahan pelaburan secara tetap setiap bulan melalui Arahan Bank (Autodebit) menerusi Bank Simpanan Nasional, Malayan Banking Berhad, CIMB Bank Berhad dan Bank Muamalat Malaysia Berhad. Pelaburan minimum setiap arahan ialah sebanyak RM50.00 pada tiap-tiap bulan.

- **MENUKAR MILIK**

Unit-unit anda boleh ditukar milik kepada orang lain dengan menggunakan borang tukar milik yang boleh diperolehi di pejabat kami. Pembeli atau penerima milik akan dikenakan bayaran tidak melebihi RM10.00 untuk mendaftar unit-unit tersebut atas namanya.

- **PROSES PENYUCIAN**

- (a) **Zakat**

Kewajipan mengeluarkan zakat adalah dikenakan kepada mana-mana pelabur yang beragama Islam dan entiti Islam ke atas perolehan/pendapatan dari pelaburan. Walau bagaimanapun, Tabung tidak memperuntukkan bayaran untuk zakat yang dikenakan ke atas perolehan modal pengagihan pendapatan. Sehubungan dengan itu, bayaran zakat ke atas perolehan modal dan pengagihan pendapatan adalah menjadi tanggungjawab pelabur-pelabur untuk berbuat demikian.

Penentuan jumlah zakat adalah dengan mengambil kira jumlah pelaburan perolehan modal dan pengagihan pendapatan dalam tahun kewangan didarabkan dua persepuluh lima peratus (2.5%).

- (b) **Tazkiah**

Tazkiah adalah proses penyucian pendapatan (dividen dan keuntungan jualan) dari pelaburan yang meragukan sepertimana yang ditetapkan oleh Penasihat Syariah. Secara amnya, keperluan kepada tazkiah adalah berpunca dari situasi di mana pelaburan Tabung di dalam kaunter-kaunter yang dibenarkan pada awalnya diklasifikasikan semula sebagai tidak menepati kehendak Syariah. Kemudian pelaburan tersebut tidak dapat dilupuskan dengan segera semasa perubahan klasifikasi disebabkan oleh suasana pelaburan.

Jumlah tazkiah adalah dua persepuluh lima peratus (2.5%) dari dividen dan keuntungan jualan dari pelaburan yang diklasifikasikan sebagai tidak menepati kehendak Syariah berdasarkan peratusan yang ditetapkan oleh Penasihat Syariah. Jumlah tazkiah akan didermakan kepada badan-badan kebajikan yang diluluskan oleh Pemegang Amanah dan Pengurus Tabung dan dipersetujui oleh Penasihat Syariah.

Bagi jangkamasa kewangan berakhir 15 Februari 2009, peruntukan tazkiah berjumlah RM293.00.

## 10. PERLINDUNGAN TAKAFUL

Semua pelabur perseorangan atau perkongsian yang menepati syarat-syarat (layak) yang telah ditetapkan akan mendapat perlindungan Takaful daripada Syarikat Takaful Malaysia Berhad. Perlindungan Takaful yang ditanggung oleh syarikat pengurusan ini adalah merupakan premium bulanan.

Individu yang berumur 18 tahun hingga 65 tahun dan pekongsi yang tidak kurang dari 6 tahun dan tidak melebihi 65 tahun apabila membeli unit DANA BESTARI sekurang-kurangnya RM1,000.00, layak mendapat perlindungan berdasarkan pada Nilai Aset Bersih (NAB) bagi setiap unit yang dimiliki tertakluk kepada perlindungan maksimum RM200,000.00. Sumbangan khairat kematian adalah sebanyak RM300.00, tertakluk kepada anak yang dinamakan berusia 15 hari hingga 18 tahun atau sehingga 25 tahun (jika masih menuntut di Institut Pengajian Tinggi). Apabila pemegang unit telah menebus unitnya, perlindungan yang diberikan akan terhapus.

Perlindungan ini meliputi kematian disebabkan penyakit atau kemalangan ATAU keilangan kekal seluruh tubuh badan yang disebabkan oleh penyakit atau kemalangan. Bagi keilangan kekal, perlindungan Takaful hanya diberikan kepada pelabur berumur 18 hingga 60 tahun sahaja.

**Walau bagaimanapun, pelaburan yang dibuat menerusi Ejen-ejen Institusi Unit Amanah (IUTA) tidak layak mendapat perlindungan tersebut.**

Untuk membuat tuntutan, pelabur atau waris atau penerima pusaka perlu memberitahu ASM INVESTMENT SERVICES BERHAD dan mengemukakan dokumen-dokumen sokongan dalam tempoh 90 hari dari tarikh kejadian.

Bagi jangkamasa kewangan berakhir 15 Februari 2009, syarikat pengurusan telah membelanjakan sebanyak RM13,971.23 bagi membiayai premium perlindungan Takaful di atas.

**UNTUK MEMASTIKAN YANG ANDA LAYAK MENDAPAT PERLINDUNGAN TAKAFUL DI ATAS, SILA HUBUNGI PIHAK KAMI UNTUK MENGESAHKAN REKOD PERIBADI ANDA TELAH DILENGKAPKAN ATAU SILA KEMASKINI MAKLUMAT PERIBADI ANDA DENGAN MENGGUNAKAN BORANG DI DALAM LAPORAN INI DI MUKA SURAT 39 DAN KEMBALIKAN KEPADA KAMI UNTUK TINDAKAN SELANJUTNYA.**

**11. MAKLUMAT JARINGAN PERNIAGAAN****Pejabat Wilayah:****Sarawak**

No. 59, Tingkat Satu, Jalan Tun Jugah  
93350 Kuching  
Tel: (082) 464402 Faks: (082) 464404  
H/P: (013) 8230645 (John Nyaliaw)  
E-mel: [asmi.srwk3@asmb.com.my](mailto:asmi.srwk3@asmb.com.my)  
[john@asmb.com.my](mailto:john@asmb.com.my)

**Sabah**

Lot 2-3-19C, Tingkat 2, Plaza Wawasan  
Lorong Plaza Wawasan  
88000 Kota Kinabalu  
Tel: (088) 244129 Faks: (088) 244419  
H/P: (013) 8678131 (Yong Yin Kong)  
E-mel: [asmi.sabah@asmb.com.my](mailto:asmi.sabah@asmb.com.my)  
[yong@asmb.com.my](mailto:yong@asmb.com.my)

**Pahang**

Lot D103, Tingkat 1  
Mahkota Square, Jalan Mahkota  
25000 Kuantan  
Tel: (09) 5158545 Faks: (09) 5134545  
E-mel: [asmi.ktn@asmb.com.my](mailto:asmi.ktn@asmb.com.my)

**Johor**

No. 17-01, Jalan Molek 1/29  
Taman Molek  
81100 Johor Bahru  
Tel: (07) 3522120 Faks: (07) 3512120  
H/P: (012) 6845646 (Norsyah Nizam A.Aziz)  
E-mel: [asmi.jb@asmb.com.my](mailto:asmi.jb@asmb.com.my)  
[norsyah@asmb.com.my](mailto:norsyah@asmb.com.my)

**Pejabat-Pejabat Agensi:****Alor Setar**

Encik Md. Bahrin bin Ibrahim  
Tingkat 1, No. 2.6, Plaza Alor Star  
Jalan Stesen, Off Jalan Langgar  
05000 Alor Setar  
Tel/Faks: (04) 7340640  
H/P: (012) 5720019 / (012) 5033019  
E-mel: [mdbahrin@yahoo.com.my](mailto:mdbahrin@yahoo.com.my)

**Ipoh**

Encik Mohamad Jamil bin Mohd Yusoff  
Pusat Inkubator  
Tingkat 5, Bangunan Sri Kinta  
Jalan Sultan Idris Shah  
30000 Ipoh  
Tel: (05) 5460326 H/P: (012) 5925822

**Pejabat-Pejabat Aqensi:**

**Batang Kali**

Puan Fauziah bt Che Ismail  
No. 43-A, Jalan Meranti 2B, Seksyen 3  
Bandar Utama Batang Kali  
44300 Batang Kali  
Tel: (03) 60574142 Faks: (03) 60572385  
H/P: (012) 6120874 (013) 3397876 (019) 2307502  
E-mel: rosly\_asm@yahoo.com

**Melaka**

YBhg. Datuk Md. Ramly bin Mohamad  
No. 253-A, Jalan TMR 3  
Taman Melaka Raya  
75000 Melaka  
Tel: (06) 2815051 Faks: (06) 2815046 H/P: (012) 6093859  
E-mel: dtkmdr@yahoo.com.my

**Johor Bahru**

Encik Zulkifli bin Ab. Kadir  
4-01, Jalan Susur Larkin Perdana 2  
Taman Larkin Perdana  
80350 Johor Bahru  
Tel: (07) 2352902 Faks: (07) 2369902 H/P: (019) 7361015  
E-mel: zul\_jb@tm.net.my

**Bintulu**

Puan Jamilah bt Basri @ Sahari  
Tingkat 1 Shoplot 3, Lot 3743  
Medan Jaya Commercial Centre  
Jalan Tun Hussein Onn  
97000 Bintulu  
H/P: (019) 8542731 Faks: (086) 312821

---

*Perkhidmatan Kutipan Pelaburan:*

**Bank Simpanan Nasional**

*Ejen Institusi:*

**Apex Investment Services Berhad**

**CIMB Bank Berhad**

*Perkhidmatan Autodebit:*

**Malayan Banking Berhad**

**Bank Simpanan Nasional**

**CIMB Bank Berhad**

**Bank Muamalat Malaysia Berhad**

## 12. MAKLUMAT PERHUBUNGAN PELABUR

Jika ada kemusykilan, sila hubungi sambungan talian Perhubungan Pelabur:

- ❖ **Pertanyaan/Aduan**
  - Puan Salmah Mohd Aris - 03 - 41453967  
e-mel: [salmah@asmb.com.my](mailto:salmah@asmb.com.my)
- ❖ **Prospektus/Laporan Pengurus**
  - Puan Wan Juliana Aigawati Wan Mat - 03 - 41453921  
e-mel: [wanjuliana@asmb.com.my](mailto:wanjuliana@asmb.com.my)
- ❖ **Urusan Pendaftaran/Jualan/Belian Balik**
  - Puan Siti Nazifah Muhammad Nasir - 03 - 41453968  
e-mel: [nazifah@asmb.com.my](mailto:nazifah@asmb.com.my)
  - Cik Rosnida Othman - 03 - 41453970  
e-mel: [rosnida@asmb.com.my](mailto:rosnida@asmb.com.my)
- ❖ **Urusan Pelaburan KWSP/Potongan Gaji**
  - Puan Jamiyah Mat Ali - 03 - 41453929  
e-mel: [jamiyah@asmb.com.my](mailto:jamiyah@asmb.com.my)
  - Puan Norhayati Yahya - 03 - 41453926  
e-mel: [norhayati@asmb.com.my](mailto:norhayati@asmb.com.my)
- ❖ **Urusan Pindahan Pusaka/Hakmilik**
  - Encik Md Nadzri Mahmud - 03 - 41453930  
e-mel: [nadzri@asmb.com.my](mailto:nadzri@asmb.com.my)
  - Puan Sharifah Khatijah Syed Harun - 03 - 41453930  
e-mel: [sharifah@asmb.com.my](mailto:sharifah@asmb.com.my)
- ❖ **Penyata Pelaburan/Pertukaran Alamat**
  - Puan Norzana Isa - 03 - 41453969  
e-mel: [zana@asmb.com.my](mailto:zana@asmb.com.my)

### PERINGATAN KEPADA BAKAL PELABUR

*Laporan ini bukanlah tawaran untuk menjual unit. Bakal pelabur dikehendaki membaca Prospektus Induk dan/atau Prospektus Induk Tambahan Tabung ini dengan teliti sekiranya ingin melabur. Sekiranya anda merasa ragu, sila berunding dengan penasihat pelaburan anda tentang skim ini. Pencapaian Tabung ini pada masa lalu bukannya petunjuk atau gambaran pencapaiannya pada masa hadapan. Harga unit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah-ubah mengikut pasaran.*

**13. PERTUKARAN ALAMAT**

Sebarang pertukaran alamat hendaklah diberitahu dengan segera secara bertulis atau sila penukarkan maklumat di bawah dan hantarkan kepada kami dengan segera.

**BORANG PERMOHONAN TUKAR ALAMAT**

Nama Penuh : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_ (Baru)

\_\_\_\_\_ (Lama)

Tarikh Lahir : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_  
Terkini

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Nama Tabung : \_\_\_\_\_

No. Peruntukan (P/T) : \_\_\_\_\_

No. Telefon : \_\_\_\_\_ (Pejabat)

\_\_\_\_\_ (Rumah/Bimbit)

\_\_\_\_\_  
Tarikh\_\_\_\_\_  
Tandatangan